

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 OGOS 2025

mediaselangor.com

Nelayan lega sampah Sungai Klang dibuang

- kerja korek sepanjang 54km
- sisa berkurangan 80 peratus
- tingkat kedalaman sungai
- kualiti air makin bersih
- kerosakan bot berkurangan

MUKA 4

Bina Kompleks Lembu Tenusu

Ladang seluas 42 ekar bakal tempatkan lebih 1,200 ekor lembu baka Jersey-Holstein Friesian (F2) yang diimport dari Australia. Usaha itu bagi perkukuhkan usaha Selangor jadi pusat sekuriti makanan negara

MUKA 2 & 3



Petugas masjid membantu pelancong Jepun merakam gambar kenangan semasa melawat ke Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam pada 12 Ogos 2025. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM



**Terbaik Selangor,
Semuanya Di Sini**

www.mediaselangor.com

#mediaselangordahlain



Orang Asli manfaat dana kerajaan

SEPAANG - Kerajaan Negeri akan mempergiat usaha membangunkan komuniti Orang Asli dengan memastikan setiap bantuan dan peruntukan dapat dimanfaatkan sepenuhnya, susulan hanya 10 Kampung Orang Asli di Selangor memohon dana Program Sejahtera Komuniti Madani (Sejati Madani).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata tindakan segera termasuk penganjuran bengkel bersama EXCO Hal Ehwal Orang Asli V Papparaidu dan tok batin bagi menjelaskan proses permohonan serta penggunaan dana.

"Kita mahu dana daripada Kerajaan Negeri dan persekutuan termasuk RM10,000 bagi program kemasyarakatan, digunakan sepenuhnya untuk pembangunan komuniti," katanya sempena Sambutan Hari Orang Asli peringkat negeri pada 9 Ogos.

Amirudin turut menggesa wakil masyarakat dan jabatan berkaitan lebih proaktif memberi penerangan dan bimbingan supaya komuniti itu dapat meningkatkan taraf ekonomi serta sosial.

Iktiraf peranan galak pelancongan

SUBANG JAYA - Media Selangor diiktiraf Platform Media Terbaik sempena Anugerah Industri Pelancongan 2025 (TIA2025) anjuran Persatuan Pembangunan Pelancongan Antarabangsa Malaysia (MITDA) dengan kerjasama Tourism Selangor.

Penghargaan tersebut disampaikan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Dato' Johary Anuar kepada Ketua Kluster Perkhidmatan Korporat Media Selangor Mohd Zulkifli Ismail.

Mohd Zulkifli menyifatkan kejayaan itu sebagai pengiktirafan besar terhadap peranan agensi tersebut yang bukan sahaja menyampaikan dasar negeri, malah mempromosi aktiviti pelancongan Selangor.

"Liputan merentas media cetak, elektronik dan digital menjadikan penyampaian maklumat lebih berkesan bukan sahaja kepada rakyat Selangor tetapi lebih meluas capaian," katanya pada 9 Ogos.

Giat usaha keterjaminan makanan

HULU SELANGOR - Pembinaan Kompleks Lembu Tenusu 'Ehsan Dairy Farm' di Sungai Tenggi memperkukuhkan usaha Selangor untuk menjadi pusat sekuriti makanan negara, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Sebagai negeri maju dan berpenduduk padat beliau berkata, projek dibangunkan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu langkah strategik menjamin bekalan makanan untuk masa depan.

"Selangor menerima migrasi paling ramai dan penyumbang terbesar Ke luaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kadar pertumbuhan di negeri Selangor lebih dua juta penduduk dalam tempoh 10 tahun.

"Walaupun Selangor mengalami kadar pertumbuhan yang agak rendah pada sekitar 1.6 peratus banding kadar nasional pada 1.7 peratus tetapi migrasi bertambah. Kita bukan mesti hanya menyediakan rumah, peluang pekerjaan

tetapi aspek lebih penting iaitu bekalan makanan," katanya pada 10 Ogos.

Amirudin berkata aspek keterjaminan makanan antara agenda utama dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2) selain memperkukuh kerjasama negeri dengan persekutuan bagi melaksanakan agenda pembangunan.

Pusat tenusu yang dijadual beroperasi sepenuhnya pada Januari tahun depan disasar menghasilkan sehingga 1.8 juta liter susu segar setahun.

873 sekolah terima bantuan

Tingkat kemudahan, program belajar

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KLANG - Sebanyak 873 sekolah menerima manfaat agihan dana baik pulih kemudahan bernilai RM26.624 juta menerusi program bantuan sekolah negeri, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata bantuan membabitkan tujuh kategori institusi termasuk sekolah agama rakyat itu meningkat berbanding sebelum ini supaya pelajar mendapat kemudahan pendidikan lebih baik dan selesa.

"Tahun ini kita tambah sedikit jumlah (bantuan) untuk memastikan sekolah dilengkapi dengan infrastruktur

dan suasana yang baik. Ini bukan hanya memastikan sekolah dalam keadaan baik tetapi demi generasi masa depan.

"Bukan mudah sebab banyak isu lain seperti kepadatan sekolah dan kekurangan tetapi saya percaya jika bekerjasama sebagai satu pasukan (kita) akan dapat penyelesaian terbaik," katanya dalam majlis serahan pada 13 Ogos.

Menerusi dana itu, sekolah agama rakyat menerima bantuan RM11 juta, sekolah jenis kebangsaan Cina (RM6 juta), sekolah jenis kebangsaan tamil (RM5 juta) dan sekolah menengah persendirian Cina RM2 juta.

Turut menerima bantuan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan RM1.624 juta manakala RM1

juta buat sekolah mubaligh dan sekolah menengah jenis kebangsaan.

Pada masa sama, Amirudin menjelaskan, Kerajaan Negeri tidak hanya menumpukan kemudahan pembelajaran semata-mata tetapi menekankan pengisian program pelajar.

"Kita tidak hadkan kepada peruntukan sahaja tetapi turut laksana pengisian lain seperti Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dan penganjuran kawad kaki yang dapat memantapkan nilai diri dan disiplin pelajar.

"Inisiatif Kerajaan Negeri bukan hanya memanfaatkan pelajar di Selangor tetapi negeri lain seperti Kelantan dan Perak. Mereka dapat guna pengisian PTRS sebagai pendidikan tambahan."

Selangor kekal pilihan pengunjung

SUBANG JAYA - Kerajaan Negeri tekad untuk terus memperkasa sektor pelancongan sebagai salah satu tonggak utama pembangunan Selangor menerusi pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata tumpuan diberikan kepada pelancongan berasaskan nilai yang merangkumi warisan, agro-pelancongan, sukan, perubahan

dan pendidikan.

Beliau menjelaskan usaha memperluas capaian pelaburan strategik serta kerjasama antarabangsa turut diperkukuh bagi mengangkat Selangor ke tahap lebih tinggi di peta pelancongan dunia.

"Tahun lalu, Selangor berjaya mengekalkan gelaran sebagai negeri paling ramai dikunjungi di Malaysia untuk tahun keempat berturut-turut, menyumbang lebih 34 juta pelawat domestik.

"Ini jelas membuktikan tarikan pelancongan di Selangor secara konsisten menjadi pilihan rakyat Malaysia sendiri," katanya sempena Anugerah Industri Pelancongan 2025 pada 9 Ogos.

Menurut Amirudin, sektor perkhidmatan yang melibatkan industri pelancongan menyumbang 61.1 peratus daripada keseluruhan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri berjumlah RM432.1 bilion pada tahun lalu.

Sidang niaga pacu ekonomi negeri

SHAH ALAM - Penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) bersama Pameran Udara Selangor (SAS) Oktober ini merupakan langkah strategik menyatukan kekuatan sektor utama negeri.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata penganjuran serentak dua program utama Selangor itu juga berkemampuan menarik lebih banyak jaringan pelaburan serta perdagangan berskala

antarabangsa sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi.

"Aeroangkasa merupakan antara pertumbuhan baharu di Selangor. Lebih 60 peratus pemain industri bertaraf antarabangsa beroperasi di sini meliputi penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), pembuatan komponen, logistik dan latihan teknikal.

"Harap dapat mencatatkan jumlah transaksi melepasi pencapaian SIBS ta-

hun lepas. Tahun ini SIBS jadi platform menyeluruh termasuk pembuatan, digital, halal, makanan, logistik dan aeroangkasa," katanya.

Berhubung penganjuran julung kali Sidang Kemuncak Penjagaan Antarabangsa Selangor pada SIBS ini, Sze Han berkata sidang itu menekankan fokus kepada sektor penjagaan kesihatan, warga emas, kanak-kanak dan golongan keperluan khas.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Sasar kurangkan import

Ehsan Dairy Farm perkasa tenusu tempatan



Oleh FITRI HAZIM HAZAM

Selangor melakar sejarah baharu bagi sektor agromakanan dengan pelancaran ladang tenusu berskala besar Ehsan Dairy Farm oleh PKPS di Sungai Tengi, Hulu Selangor yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ladang seluas 42 ekar yang diterajui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu bakal menempatkan lebih 1,200 lembu import baka berkualiti tinggi jenis Jersey-Holstein Friesian (F2) dari Australia.

Dengan sasaran 1.8 juta liter susu segar setahun, pengoperasian ladang mulai Januari 2026 akan mengukuhkan kadar sara diri tenusu negara sekali gus menyumbang peningkatan kadar sara diri (SSL) yang masih rendah pada 5.3 peratus.

Projek ini juga merupakan komponen utama dalam pelaksanaan Rangka Tindakan Sekuriti Makanan Selangor 2021-2025 meliputi tiga tonggak utama iaitu pengeluaran, pengedaran dan keterjaminan.

Sebagai usaha merealisasikan agenda sekuriti makanan negara, inisiatif Ehsan Dairy Farm ini mendapat sokongan penuh Kerajaan Selangor dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Kurangkan kebergantungan import

Ahmad Zahid berkata projek Ehsan Dairy Farm merupakan langkah proaktif untuk mengurangkan kebergantungan import bekalan memandangkan kerajaan mengimport 94.7 peratus bahan tenusu bernilai RM4.6 bilion setahun.

"PKPS sedang melaksanakan projek pengeluaran tenusu berskala besar. Usaha ini seiring hasrat negara untuk meningkatkan pengeluaran tenusu tempatan.

"Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan RMK13 baru-baru ini menyatakan negara mengalami beban yang agak besar apabila kita mengimport bahan makanan termasuk tenusu dari luar negara," katanya pada 10 Ogos.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah memberitahu kerajaan komited memperkukuh latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam sektor pertanian berteknologi tinggi bagi melahirkan tenaga kerja mahir serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja import.

Justeru, beliau menyarankan semua institut latihan pertanian di seluruh negara melaksanakan pendekatan pengajaran 30

peratus teori di kelas dan 70 peratus latihan praktikal di lapangan.

"Majlis TVET Negara bersedia membantu mana-mana institut latihan pertanian di seluruh negara untuk melatih anak-anak muda yang berminat dalam bidang pertanian, khususnya teknologi pertanian berteknologi tinggi.

"Kita yakin modul yang telah tersedia selama ini adalah baik, namun pada hemat saya penggunaan teknologi Internet of Things (IoT) dan juga kaedah pedagogi pengajaran yang sesuai perlu diterapkan bagi meningkatkan keberkesanan kursus TVET ini," ujarnya.

Katanya lagi, graduan TVET yang memperoleh Sijil Kompetensi Kemahiran Malaysia (CJPM) Tahap Tiga ditawarkan gaji minimum RM3,000, manakala pemegang CJPM Tahap Lima yang setara diploma berpotensi memperoleh gaji sekitar RM5,000 bagi menarik minat mereka menyertai bidang ini.

Usaha terajui sekuriti makanan

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan, pembinaan Ehsan Dairy Farm ini bakal memperkukuhkan usaha Selangor untuk menjadi pusat sekuriti makanan negara.

Sebagai negeri paling maju dan berpenduduk padat, beliau berkata, projek dibangunkan PKPS itu langkah strategik menjamin bekalan makanan untuk masa depan.

"Selangor menerima migrasi paling ramai dan penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kadar pertumbuhan di negeri Selangor lebih dua juta penduduk dalam tempoh 10 tahun.

"Walaupun Selangor mengalami kadar pertumbuhan yang agak rendah pada sekitar 1.6 peratus banding kadar nasional pada 1.7 peratus tetapi migrasi bertambah. Kita bukan mestinya hanya menyediakan rumah, peluang pekerjaan tetapi aspek lebih penting iaitu bekalan makanan," katanya.



Amirudin berkata keterjaminan bekalan makanan antara agenda utama yang akan dimasukkan dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2) selain memperkukuh kerjasama antara negeri dan persekutuan untuk meneruskan agenda pembangunan.

Peluang kerja kemahiran tinggi

Ketua Pegawai Eksekutif PKPS Datuk Wira Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata pembangunan ladang berkenaan menjadi inisiatif strategik untuk merubah landskap industri tenusu Selangor dan Malaysia secara menyeluruh.

Selain menyumbang kepada pengeluaran domestik, menurutnya lagi, Ehsan Dairy Farm dijangka menjana lebih 100 peluang pekerjaan merangkumi penternak muda, juruteknik ladang, pakar nutrisi haiwan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"PKPS menyasarkan pengeluaran susu segar mencecah 1.8 juta liter setahun di ladang ini dengan anggaran pendapatan RM7.5 juta," katanya.

Pada masa sama, Dr Mohamad Kharil yakin kerjasama strategik secara berterusan antara Kerajaan Negeri dengan persekutuan menjadikan Selangor berpotensi muncul sebagai hab utama pengeluaran susu segar negara.

"Kerjasama juga berupaya memperkukuh kedaulatan makanan dan menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Jualan Ehsan Rahmah memberi manfaat tujuh juta penduduk dengan harga barangan asas 15 peratus hingga 30 peratus lebih rendah dari harga pasaran.

"Di samping itu, penubuhan Gudang Makanan Selangor sebagai pusat simpanan stok makanan strategik negeri selain pelaksanaan Jelapang Padi Darul Ehsan dan Ladang Jagung Bijian Ehsan bagi memperkukuh bekalan makanan ruji tempatan."

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

PROGRAM pemulihan Sungai Klang antara tumpuan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan semula potensi ekonomi dan ekosistem alam dengan lebih 3,000 tan sampah dikeluarkan menerusi penggunaan dua jentera pembersihan sejak 2019.

Penggunaan dua interceptor, teknologi inisiatif The Ocean Cleanup yang mampu merangkap hingga 100 tan sehari sampah terapung sebelum sampai ke laut dan pemasangan perangkap sampah berjaya menambah baik pengurusan sisa di sungai.

Ikuti lebih banyak pendedahan menarik di portal mediaselangor.com



MBDK sita lori, pasang CCTV

KLANG - Tindakan sita, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) serta kerjasama dengan nelayan antara inisiatif Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) bagi memastikan Sungai Klang bersih dan indah.

Selain memastikan Sungai Klang bersih, Datuk Bandarnya Dato' Abd Hamid Hussain berkata, usaha berkenaan juga dapat mengurangkan kerosakan bot nelayan.

"Usaha membersihkan Sungai Klang mencabar, dan untuk itu, kita mula bekerjasama dengan penduduk khususnya nelayan dengan mengadakan gotong-royong di sungai.

"Apabila mereka tiada aktiviti di laut, kita laksana aktiviti pembersihan dengan mengutip sampah terapung. Kita telah mula jalankan inisiatif ini Jun lalu dan akan teruskan dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata MBDK turut meningkatkan penguatkuasaan menerusi pemasangan CCTV bergerak dan menyita kenderaan yang terlibat dengan aktiviti pembuangan sampah haram.

"Setakat ini, kita ada 10 CCTV bergerak dan bercadang menambah 30 lagi di kawasan pembuangan sampah haram. Apabila kes selesai kita pindihkannya ke kawasan lain.

"Bukan itu sahaja, 23 lori disita setakat Jun lalu kerana pembuangan sampah haram dan mereka perlu membayar denda untuk mengambilnya semula."

Dari empat kepada satu meter sisa

KLANG - Lapan kilometer laluan Sungai Klang akan terus dikorek untuk membersihkan sampah setinggi tiga meter yang menyempitkan kedalamannya, kata EXCO infrastruktur.

Pada masa ini, laluan terlibat hanya mempunyai kedalaman satu meter sekali gus menyulitkan nelayan berikutan peralatan bot mereka kerap rosak manakala hasil tangkapan berkurangan.

Dato' Ir Izham Hashim menjelaskan Landasan Lumayan Sdn Bhd yang mengendali kerja korekan sejak 2023

menggunakan tiga jentera dan dijangka selesai dalam masa lima tahun.

Katanya, usaha berkenaan sebahagian kerja pengorekan 54 kilometer (km) yang giat dijalankan melalui projek Gerbang Maritim Selangor bagi memastikan kedalaman air pulih.

Beliau memberitahu lambakan sampah seperti plastik dan perabot selain mendapan lumpur mengakibatkan baki kedalaman sungai sekitar satu meter berbanding paras asal empat meter.

"Kerja pengorekan perlu dilakukan dan jadikan empat meter (semula) supaya dapat bantu bekalan air untuk

Sungai Rasau serta kurangkan banjir kerana kapasiti (kedalaman) ada.

"Apabila kapasiti (kedalaman) ada, perlu perkukuh tebing bagi elak banjir. Itu juga kita buat sekali bawah pantauan Jabatan Pengairan dan Saliran," katanya kepada Media Selangor.

Selain operasi dua jentera pembersihan, Ir Izham memaklumkan pembinaan perangkap sampah mini turut dibuat di longkang utama (monsoon drain) bagi mengurangkan sampah di Sungai Klang.

Sejak 2019 hingga Ogos tahun lalu, lebih 88,000 tan metrik sampah dikeluarkan dari Sungai Klang. Angka itu bersamaan berat 470 pesawat Boeing 747.



Usaha bersih Sungai Klang

80 peratus sampah berkurangan

KLANG - Usaha Kerajaan Negeri memelihara Sungai Klang supaya lebih bersih dan bebas sampah sejak puluhan tahun menerima reaksi positif nelayan.

Ketua Pangkalan Nelayan Sungai Sireh Tambahan, Satarudin Kamal, 56, berkata pembersihan yang dilaksanakan kini menampakkan hasil ketara dengan pengurangan sampah kira-kira 80 peratus.

"Jika hendak dibandingkan dulu, hendak lalu pun susah... nampak sampah sahaja, apatah lagi pada waktu malam. Usaha pembersihan dilihat sejak 2012 dan seterusnya apabila diambil alih Landasan Lumayan Sdn Bhd pada 2016 semakin baik.

"Hendak cakap bersih sepenuhnya tidak boleh kerana sampah yang ada di Sungai Klang berpuluh tahun. Hendak bersih perlukan jangka masa panjang tetapi ada perubahan, berlaku pengurangan antara 70 ke 80 peratus," katanya.

Beliau menjelaskan lambakan sampah mengakibatkan bot rosak dan menjejaskan pendapatan harian selain terpaksa menanggung kerugian ribuan

ringgit untuk baik pulih.

"Akibat kerosakan nelayan terpaksa menanggung kerugian bukan ratus tetapi puluh ribu... bergantung pada kerosakan dialami. Jika rosak teruk, kos pembaikan juga tinggi... makin besar kuasa enjin makin mahal.

"Selain nelayan terpaksa tanggung kos kerosakan, lambakan sampah mengakibatkan hasil tangkapan berkurangan kerana ekosistem pembiakan ikan rosak ditimbus sampah," katanya.

Nelayan Kampung Sungai Sireh Jafri Judin, 57, gem-bira dengan inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan Sungai Klang terus bersih.

"Alhamdulillah, Sungai Klang kini semakin bersih, nampak perubahan dengan adanya Interceptor, perangkap sampah dan aktiviti gotong-royong yang dilaksanakan pelbagai pihak.

"Sampah semakin kurang dan air juga semakin bersih kecuali ketika hu-

jan lebat. Apabila sampah banyak, bot rosak dan kos pembaikan terlalu tinggi, tidak setanding dengan hasil tangkapan," ujarnya.

Berpengalaman lebih 20 tahun mencari rezeki di laut, Jafri turut melalui detik sukar bersama keluarga apabila dihalau dari rumah sewa kerana gagal melunaskan bayaran mengikut tempoh ditetapkan.

"Isteri suri rumah dan hanya saya keluar mencari rezeki di laut. Pada waktu itu, enjin bot mengalami kerosakan kerana tersangkut sampah di Sungai Klang dan mengambil masa untuk dibaiki.

"Dalam tempoh itu, saya hanya ikut kawan-kawan dan pendapatan terhad. Akibat kekurangan pendapatan, anak-anak tiada belanja ke sekolah dan dihalau dari rumah sewa kerana gagal bayar sewa.

"Jika diingat waktu itu, susah hendak cakap tetapi inilah yang nelayan terpaksa hadapi akibat bot dan enjin rosak kerana sampah terlalu banyak di Sungai Klang."



WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
14 Khamis	5:51	6:01	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38	5:53	6:03	7:12	1:23	4:40	7:29	8:41	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38			
15 Jumaat	5:51	6:01	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38			
16 Sabtu	5:51	6:01	7:10	1:20	4:36	7:26	8:37	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40	5:52	6:02	7:11	1:21	4:37	7:26	8:37			
17 Ahad	5:51	6:01	7:10	1:20	4:36	7:26	8:37	5:53	6:03	7:11	1:22	4:38	7:28	8:39	5:52	6:02	7:11	1:21	4:37	7:26	8:37			
18 Isnin	5:51	6:01	7:10	1:20	4:35	7:26	8:37	5:53	6:03	7:11	1:22	4:37	7:28	8:39	5:52	6:02	7:11	1:20	4:36	7:26	8:37			
19 Selasa	5:51	6:01	7:09	1:20	4:34	7:25	8:36	5:53	6:03	7:11	1:22	4:37	7:28	8:39	5:52	6:02	7:11	1:20	4:35	7:25	8:36			
20 Rabu	5:51	6:01	7:09	1:19	4:34	7:25	8:36	5:53	6:03	7:11	1:22	4:36	7:27	8:38	5:52	6:02	7:10	1:20	4:35	7:25	8:36			



Gema bahas anak muda



Oleh **UFAIRAH TARMIDZI & NADIAH ZAMLUS**

Foto **KHAIRUL HELMY**

Suasana di Dewan Negeri Selangor (DNS) pagi itu terasa berbeza. Suara anak muda bergema di setiap sudut.

Mereka lantang berdebat, mencabar hujah dan sesekali bersetuju untuk "berbeza pendapat" demi mencari penyelesaian terbaik.

Semangat itu jelas terpancar di wajah 56 peserta yang terpilih untuk menyertai program Ahli Dewan Negeri (ADN) Muda Selangor 2025.

Kemuncak acara kali ini yang berlangsung pada 28 Julai mencatat sejarah apabila julung kalinya seorang peserta orang kurang upaya (OKU) penglihatan menyertai gelanggang demokrasi ini.

Disahkan menghidap Neuropati Optik Keturunan Leber pada usia 23 tahun, Muhammad Aliff Mohd Ghazali, 30, tidak pernah melihat kekurangan diri sebagai halangan.

Dengan bantuan telefon pintar dan komputer bercirikan audio, beliau membuktikan mata bukan syarat untuk melihat masa depan, tetapi suara dan idea memainkan peranan penting.

"Saya memang tidak menyangka terpilih ke pusingan akhir kerana saya tahu peluang agak tipis dan perlu bersaing bersama 112 peserta lain.

"Alhamdulillah, berkat doa dan sokongan keluarga, saya mara ke pusingan ini. Walaupun ada kekurangan, saya mampu mengikuti setiap sesi," katanya.

Seorang lagi peserta, Jason Kng Wei Liang, 26, yang pernah menyertai Sidang Muda Pulau Pinang, memuji usaha Kerajaan Negeri memberi ruang

kepada beliau untuk menyumbang idea.

"Program ini peluang keemasan untuk anak muda berkongsi pandangan apatah lagi ketika negara giat memperkasa beliau menerusi Undi18.

"Saya suka berkongsi idea yang membawa penambahbaikan dan inilah platformnya," katanya.

Tidak dinafikan, golongan beliau masih kekurangan medium untuk menyuarakan pandangan mahupun idea kepada kerajaan.

Justeru, MR Yashini, 22, menggunakan peluang diberi Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keyakinan diri dalam merangka dan memperbaiki dasar untuk kebaikan bersama.

"Sebelum ini, saya terlibat dalam beberapa program dengan Majlis Belia Hindu Selangor. Dari situ saya dimaklumkan mengenai program ini.

"Saya bersyukur kerana keluarga turut beri sokongan walaupun kebiasaannya agak susah untuk anak perempuan seperti saya menyertai program sebegini," katanya.

Namun, di sebalik potensi besar golongan ini, wujud satu kebimbangan. Semakin ramai anak muda di Malaysia bersikap acuh tak acuh terhadap politik.

Kajian Pemuda Kebangsaan Merdeka Center 2021 mendedahkan majoriti beliau berusia 18 hingga 30 tahun mempunyai pandangan negatif terhadap politik negara.

Sebanyak 66 peratus percaya pegawai awam dan ahli politik tidak peduli pandangan mereka, manakala 70 peratus lagi mengaku tidak berminat dengan maklumat politik.

Inilah jurang yang cuba dirapatkan menerusi ADN Muda Selangor. Lebih daripada sekadar program latihan, ia adalah pentas sebenar untuk



Pencapaian peserta:

Muhammad Fares Ashraf Noh

Anugerah Pembahas Terbaik

Leindenn Cheng Lin-Rui

Anugerah Peserta Terbaik

Muhammad Aliff Mohd Ghazali

Anugerah Peserta Terbaik

Nur Damia Batrisyia Azman

Anugerah Peserta Terbaik

Ameer Hazeem Mohd Zaky

Anugerah Peserta Terbaik

Muhammad Eizlan Mohd Ali

Anugerah Peserta Terbaik

beliau merasai pengalaman menjadi wakil rakyat.

Bermula daripada memahami proses pembuatan dasar, perbincangan hinggalah pelaksanaan di peringkat negeri.

Sambutan program kali ini amat menggalakkan apabila 166 permohonan diterima, peningkatan 84 peratus berbanding tahun lalu.

Seramai 112 peserta melayakkan diri ke pusingan pertama yang berlangsung pada 14 Jun.

Hanya 56 peserta berjaya melepasi pusingan pertama dan mengikuti program khas bawah Dewan Negeri Selangor pada 28 dan 29 Julai.

"Peningkatan ini mencerminkan minat tinggi golongan beliau terhadap proses demokrasi dan pentadbiran negeri," kata Speaker DNS Lau Weng San.

Pertahanan hak dengan RM5

Oleh NADIAH ZAMLUS

Seorang wanita sanggup membelanjakan kira-kira RM30,000 demi mendapatkan seutas rantai bertatahkan berlian mutiara idaman. Semuanya gara-gara percaya pada janji manis peniaga bahawa produk itu tulen.

Kilauan memancar, tetapi bukan sinaran semula jadi yang diharapkannya. Warna mutiara itu juga pudar dan kelihatan pelik.

Nalurnya mula meragui keaslian barangan kemas itu. Beberapa biji mutiara dihantar ke makmal dan keputusan mengesahkan, ia telah diwarnakan semula.

Bayangkan, puluhan ribu ringgit melayang kerana kepercayaan yang disalah guna. Tetapi, kisah ini tidak berakhir di situ.

Wanita itu tidak sekadar diam atau pasrah. Dengan hanya RM5, dia memfailkan aduan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Selangor.

Prosesnya ringkas, tiada peguam dan dalam beberapa bulan, dia berjaya mendapatkan kembali haknya.

Bukan kes terpencil

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey mendedahkan aduan seperti itu bukan kes luar biasa.

Malah, pihaknya menerima pemfailan tuntutan tidak berpuas hati dengan pembelian barangan dalam talian paling tinggi sejak tiga tahun kebelakangan ini.

Tahun ini sahaja, lebih 90 aduan melibatkan pakaian, barang perhiasan diri, kelengkapan rumah dan aksesori.

Sejak Januari hingga 17 Julai tahun ini, TTPM Selangor mengendalikan kira-kira 953 kes tuntutan.

Pemfailan kes berkaitan perkhidmatan ubah suai rumah (93) adalah tuntutan kedua tertinggi diikuti kes penipuan agensi pelancongan umrah dan haji (68).

Kes-kes lain pula membabitkan tuntutan perabot (29), kereta (28) dan rawatan di pusat kecantikan (26).

Bayangkan dengan bayaran serendah RM5, pengguna boleh membuat tuntutan sekiranya barang rosak, perkhidmatan tidak memuaskan atau diperdaya oleh peniaga dengan jumlah pembelian tidak lebih RM50,000.

Menariknya, tribunal ini tidak memerlukan peguam. Sesiapa sahaja boleh mendapatkan keadilan dengan kos yang sangat rendah.



“Ini memudahkan pengguna, terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapatkan keadilan.

“Tindakan membuat tuntutan juga beri pengajaran kepada peniaga supaya lebih bertanggungjawab dan jujur,” kata Mohd Zuhairi.

Trend meningkat

Di Selangor, sebanyak 1,549 aduan dibuat pada 2023. Tahun berikutnya pemfailan tuntutan meningkat kepada 1,559 dan sehingga Julai 2025 sudah mencecah 953 aduan.

Jika ingin buat tuntutan, dokumen sokongan seperti resit, invois, gambar atau perjanjian yang berkaitan perlu ada. Selesai penyerahan dokumen, notis pendengaran akan diberi dalam tempoh 14 hari.

Pada hari pendengaran, kedua-dua pihak dikehendaki hadir untuk memberikan keterangan serta bukti.

Keputusan akan dibuat oleh tribunal pada hari sama selepas menilai semua keterangan dan dokumen dikemukakan.

Bagaimanapun, tempoh penyelesaian kes

juga bergantung kepada keadaan jika memerlukan keterangan atau saksi pakar.

“Lazimnya, kes selesai dua hingga tiga bulan bergantung kepada jumlah kes dan respons pihak terlibat. Tribunal ini amat membantu pengguna mendapatkan tebus rugi dengan cara mudah, murah dan cepat.

“Namun, pengguna juga digalakkan untuk mencuba menyelesaikan pertikaian secara rundingan terlebih dahulu sebelum membawa kes ke tribunal,” katanya lagi.

Tegas beliau, pengguna berhak menerima penghakiman adil, termasuk mendapat pampasan pembelian. Tindakan sedemikian membuktikan bahawa pengguna sedar hak mereka di bawah undang-undang.

Pengguna yang berani menuntut hak akan membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya perlindungan pengguna.

Setiap tuntutan yang dibuat adalah satu langkah kecil melawan ketidakadilan.

Kadang-kadang, RM5 itu bukan sekadar wang tapi simbol maruah, keberanian dan memberi mesej kepada peniaga tidak jujur bahawa pengguna tidak mudah dipermainkan.

LANGKAH TUNTUTAN

- Semak kelayakan** – pastikan tuntutan tidak lebih RM50,000 dan tempoh kejadian tidak lebih tiga tahun
- Sediakan semua bukti** – resit, invois, gambar, perbualan WhatsApp/ e-mel, perjanjian
- Isi borang tuntutan** – melalui laman sesawang ttpm.kpdn.gov.my atau hadir di pejabat TTPM
- Bayar fi RM5** – dikenakan semasa pemfailan borang sama ada dalam talian atau di kaunter
- Hadir sesi pendengaran** – tribunal tetapkan tarikh, kedua-dua perlu pihak hadir, keputusan biasanya dibuat hari sama

Erat emosi ibu & bayi

Oleh SOFEA SUSAN ALBERT KASSIM

Penyusuan susu ibu ibarat pelukan dari dalam yang mengenyangkan si kecil. Setiap titisan merupakan bekalan kesihatan yang tidak ternilai harganya.

Susu ibu mengandungi semua nutrien penting diperlukan untuk pertumbuhan dan perkembangan bayi, termasuk antibodi yang membantu melindunginya daripada jangkitan dan penyakit.

Proses itu juga mewujudkan sentuhan kulit ke kulit yang memperkukuh ikatan emosi antara ibu dan anak, sekali gus memberikan rasa selamat dan kasih sayang mendalam sejak hari pertama kelahiran.

Pakar Obstetrik dan Ginekologi Hospital Pakar Ampang Puteri Dr Siti Farhana Md Pauzi menegaskan, di awal kelahiran tubuh ibu menghasilkan kolostrum, susu pekat berwarna keemasan kaya dengan antibodi.

"Itulah 'vaksin semula jadi' yang melindungi bayi ketika sistem pertahanannya masih rapuh," katanya.

Lebih menakjubkan, jika bayi jatuh sakit, tubuh ibu akan 'membaca' isyaratnya lalu mengubah komposisi susu dengan menghasilkan lebih banyak sel imun untuk membantu bayi sembuh.

Keajaiban ini, jelas beliau, tiada tandingan dan tidak mungkin dapat dihasilkan oleh mana-mana susu formula.

Hormon penenang

Penyusuan juga bukan hanya menyihatkan bayi tetapi berupaya memulihkan jiwa dan tubuh ibu.

Setiap kali bayi menyusu, tubuh ibu melepaskan hormon oksitosin atau dikenali sebagai "hormon kasih sayang". Ia membantu mengecutkan rahim, mengurangkan tekanan dan menenangkan emosi.

"Hormon itu juga memperkukuh ikatan rohani antara ibu dan anak, menjadikannya hubungan yang kekal sepanjang hayat," katanya.

Beliau menjelaskan, susu ibu menggalakkan pertumbuhan bakteria baik yang membantu pencernaan dan mencegah jangkitan dalam usus bayi.

Bukan itu sahaja, kandungan DHA (asid dokosaheksaenoik) dan nutrien penting lain di dalamnya menyokong pertumbuhan sel otak

dan fungsi kognitif.

"Kajian mendapati anak yang diberi susu ibu memiliki tahap kecerdasan yang tinggi dan pencapaian akademik lebih cemerlang," katanya.

Manfaat jangka panjang

Penyusuan memberi ganjaran kesihatan kepada ibu dalam jangka panjang. Risiko untuk mereka mendapat barah payudara dan ovari, kencing manis jenis 2 dan penyakit jantung lebih rendah.

Lebih manis lagi, proses itu membantu ibu menurunkan berat badan secara semula jadi selepas bersalin tanpa diet ketat atau senaman berat.

Justeru, Dr Siti Farhana mengingatkan semua ibu dan bakal ibu penyusuan bukan sekadar rutin memberi makan.

Ia adalah warisan kesihatan dan kasih sayang yang akan dirasai anak hingga dewasa dan akan kekal di hati ibu selamanya.

"Setiap titis susu ibu adalah anugerah, bukan sahaja untuk kesihatan bayi hari ini, tetapi juga untuk masa depan ibu dan anak.

"Penyusuan bukan sekadar memberi makan, ia memberi kehidupan, perlindungan dan cinta yang berkekalan," katanya.



Setiap titis susu ibu adalah anugerah, bukan sahaja untuk kesihatan bayi hari ini, tetapi juga untuk masa depan ibu dan anak



LAMAN LENTERA
KUALA KUBU BHARU, HULU SELANGOR

2 & 3 Tingkat Kedai Pejabat • 22' x 70'
UNIT BUMIPUTERA TERSEDIA!



HAK MILIK KEKAL

HARGA BERMULA RM9XX,XXX

Pemaju:



IRAMA SETIA SDN BHD
(1452026-T) (A member of Sinmah Capital Berhad)
A1-13A-15, Arcoris, No 10 Jalan Kiara, Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia

03-6414 3101
011-1126 2828



Wak Ajis membulatkan kayu dengan mesin sebelum mengukirnya bagi mengekalkan sentuhan tradisional



Proses melarik fasa penting bagi menentukan keseimbangan. Setiap lekuk dibuat teliti agar gasing indah dipandang dan tahan diuji di gelanggang



Proses sehingga memperoleh ukuran tepat, selaras piawaian ditetapkan untuk pertandingan gasing pangkah tradisional

Legasi gasing Wak Ajis



Di bawah redup pokok kelapa di Kampung Bukit Kapar, Klang bunyi tok! tok! kayu diketuk memecah kesunyian petang.

Di situ kelihatan Mohamad Aziz Samsudin, 63, atau mesra disapa Wak Ajis, tekun membentuk seketul kayu menjadi sebuah gasing pangkah.

Bau kayu yang baru dipotong diiringi tiupan angin sepoi-sepoi bahasa seakan-akan menghidupkan kembali suasana masa lalu.

Bagi beliau, gasing pangkah bukan sekadar hiburan di tanah lapang, ia warisan, cerita tentang semangat dan persaudaraan yang pernah menjadi nadi kehidupan desa.

Kini, tradisi itu semakin jarang kelihatan. Namun, Wak Ajis enggan membiarkan ia pupus dibawa arus masa.

Selain mencari rezeki sebagai pembuat gasing, beliau mengajar anak muda cara memangkah, memintal tali dan merasai debaran setiap kali gasing menghentam lawan.

Jurufoto HAFIZ OTHMAN merakam tangan seni Wak Ajis menghasilkan permainan tradisional itu dan wajah pemuda kampung berlatih, seolah-olah memutar kembali roda kenangan.

Wak Ajis mengukir permukaan kayu penuh tekun. Selepas itu paku besi dibenam bawah gasing sebagai paksi untuk keseimbangan putaran



Gasing yang siap perlu diteliti sebelum diuji keseimbangannya. Berat kayu pula harus tepat bagi menjamin putaran yang stabil dan tahan lama



Pemain berlatih teknik hayunan yang tepat bagi pastikan pangkahan mengena dan putaran tahan lebih lama



Tali dililit rapi pada gasing agar tidak terlepas saat dihayunkan dan putarannya kekal bertenaga hingga detik terakhir

Pengampunan merdeka

Oleh FARIDZWAN ABDUL GHAFAR

Risalah Pengampunan Merdeka yang ditabur di hutan menyaksikan seorang demi seorang pemimpin mahupun anggota komunis menyerah diri, bahkan sebahagiannya berpaling tadah.

Tawaran janji Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman termasuk jaminan tiada siasatan atau pendakwaan terhadap kekejaman mereka dan ganjaran kewangan yang sangat besar mengaburi pertimbangan mereka.

Termasuklah Hor Lung, pemimpin berpangkat tinggi dalam gerakan tersebut -- Ketua Biro Parti Komunis Malaya (PKM) selatan Malaya. Dia juga anggota Jawatankuasa Pusat PKM.

Hor Lung dikatakan memperoleh ganjaran 500,000 Malayan Dolar, nilai yang amat besar pada 1958. Namun, penyerahan diri di sebuah balai polis di Segamat tidak diheboh. Sebaliknya, Cawangan Khas Polis Malaya memeralat individu itu untuk memujuk seramai mungkin pengikutnya untuk menyerah diri.

Situasi itu juga menguntungkan Hor Lung kerana nilai habuan meningkat "jika menangkap atau membunuh bekas komrad" menurut buku Mata-Mata Gelap Malaya: Peranan Cawangan Khas pada Zaman Darurat 1945-60 tulisan Leon Comber.

Buku terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan yang menerima geran Kerajaan Selangor juga menyebut Hor Lung berjaya memujuk 160 anggota komunis untuk menyerah diri. Dia berbohong kononnya tindakan meletak senjata itu arahan Jawatankuasa Pusat PKM atas alasan Malaya telahpun merdeka.

Justeru, penentangan komunis di selatan Malaya runtuh sama sekali. Bilangan itu juga lebih ramai daripada penyerahan diri beramai-ramai 118 orang pengikut kepada seorang lagi pemimpin komunis iaitu Tan Hong di Perak beberapa minggu sebelumnya.

Selain tawaran Pengampunan Merdeka yang memecah-belah anggota komunis, gerakan dakyah 'hitam' yang dipelopori Tan Sri CC Too, pakar perang saraf, melalui 'Arahan No 16 Briggs' memporak peranda sokongan masyarakat terhadap gerakan komunis.


Pasukannya menyebar maklumat palsu kepada Min Yuen, rangkaian terdiri daripada orang awam yang menyokong Tentera Pembebasan Malaya (MNL), nama lain bagi pergerakan yang didalangi PKM.

Penyaluran maklumat sedemikian kepada pimpinan PKM menyebabkan Min Yuen mula dicurigai, sekali gus menyemai benih bibit-bibit rasa ketidakpercayaan seterusnya mewujudkan keretakan.

Naskhah terjemahan Razan Rose dan Syed Omar Husain itu juga mengisahkan banyak lagi peranan Cawangan Khas yang membawa kepada kejatuhan pemberontakan komunis di Malaya pada 1960 seterusnya saki-baki pengikut berundur ke selatan Thailand.

“

Hor Lung dikatakan memperoleh ganjaran 500,000 Malayan Dolar, nilai yang amat besar pada 1958. Namun, penyerahan diri di sebuah balai polis di Segamat tidak diheboh. Sebaliknya, Cawangan Khas Polis Malaya memeralat individu itu untuk memujuk seramai mungkin pengikutnya untuk menyerah diri



Buku 12 bab itu turut memapar sejarah awal penubuhan Cawangan Khas pasca Perang Dunia Kedua. Asalnya, badan perisikan yang diwujudkan pada Ogos 1948 diletak bawah Jabatan Siasatan Jenayah sebelum dipisahkan dan berkembang sebagai antara agensi perisikan terkenal. Comber memperinci pergeseran pegawai tinggi tentera British dengan agensi perisikan seperti MI5 dan MI6 sebelum Cawangan Khas ada.

Buku itu turut mendedahkan ketidaksefahaman pentadbiran kerajaan Britain dengan pegawai tentera penjajah dalam menganalisis ancaman komunis di Asia Tenggara. Malah, Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya Sir Edward Gent memandang enteng ancaman komunis. Berikutan itu, kerajaan kolonial di Malaya terjejas teruk dan gagal menangkis dakyah komunis yang menyusup ke akar umbi masyarakat khususnya kaum Tionghua.

Hanya apabila Sir Henry Gurney yang pernah bertugas di Palestin menyandang jawatan Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya, peranan Cawangan Khas diperkasa. Lebih ramai kalangan kaum Cina direkrut dan dilatih. Perang saraf juga diperkuat.

Sementara itu, Hor Lung yang menerima ganjaran mewah pula diberi identiti baharu, bahkan berpeluang menjalankan perniagaan sah. Dalam sebuah lagi buku terjemahan IBDE berjudul Perang Anjing Suruhan: Darurat dan Kekalahan Komunis di Malaya 1948-60, Tunku Abdul Rahman menyebut "Dia (Hor Lung) kini lebih kaya daripada kita semua."

Buku terjemahan Syed Omar Husain itu juga mendedahkan ganjaran kewangan menyebabkan ramai pemimpin komunis diburu. Karya itu juga memapar pengakuan Setiausaha Agung PKM Chin Peng perihai empat pemimpin utamanya hilang dalam masa beberapa bulan pada 1952 selain kehilangan 1,502 anggota.

Mereka antaranya Manap Jepun, pengganti Abdullah CD sebagai Komander Rejimen Melayu ke-10. Selain itu, Penganas Berjanggut dari Kajang, Ming Lee dan Kuk Si Pendek. Kematian Kuk Si Pendek paling ngeri.

Meski berbangga kerana tersenarai sebagai orang dikehendaki bernilai 200,000 Malayan Dolar, dia akhirnya ditembak ketika tidur dan kepalanya dipenggal pengikut sendiri. Kepala yang masih menitikkan darah dibawa ke balai polis sebagai bukti untuk menerima habuan kewangan.

Kedua-dua buku berkenaan juga ada menyebut Tunku Abdul Rahman Putra terpaksa berdepan kemarahan anggota keselamatan berpangkat rendah yang membandingkan gaji mereka dengan imbuhan untuk pemimpin komunis berpaling tadah selain faktor pengampunan yang dianggap terlalu mudah lagi murah berbanding kezaliman mereka termasuk kes Hor Lung yang akhirnya menjadi kapitalis dan memiliki sebuah syarikat pembalakan.

AVOKADO KAMPUNG SERIGALA

Oleh NAZLI IBRAHIM

Siapa sangka, hanya kerana percutian ke Indonesia pada 2015, Ramli Abu Bakar mendapat ilham yang mengubah hala tuju hidupnya selepas bersara.

Ketika itu, beliau melihat buah alpukat (nama avokado di sana) dijual merata-rata, dari gerai tepi jalan hinggalah ke restoran makanan sihat.

Tiga tahun kemudian, sebaik bersara, Ramli yang kini berusia 58 tahun memilih untuk menceburi bidang pertanian secara sepenuh masa.

Beliau menanam durian, avokado dan beberapa tanaman sampingan seperti lemon, markisa dan rambutan.

Impian menanam buah berkhasiat itu secara serius hanya dapat diteruskan pada 2021 selepas tertangguh seketika akibat pelaksanaan perintah kawalan pergerakan pada 2020.

Walaupun ramai petani baharu memilih penanaman durian, beliau nekad membawa masuk benih avokado dari Vietnam yang jarang diusahakan bersungguh-sungguh di negara ini.

“Waktu cuti tu, saya terfikir, kenapa tak cuba tanam sesuatu yang belum ramai buat? Avokado banyak khasiat dan pasaran pun makin berkembang,” katanya ketika ditemui di kebun beliau di Kampung Serigala, Kuala Kubu Bharu.

Mudah dijaga

Berbanding durian, khususnya Musang King atau Duri Hitam, Ramli mendapati penjagaan avokado jauh lebih mudah, walaupun kos awal penanamannya lebih tinggi.

“Durian memang benihnya murah, tapi racun, baja, penyakit buat penjagaannya susah dan mahal dalam jangka panjang. Avokado mula-mula saja tinggi kos, lepas tu senang,” katanya.

Kini, beliau mengusahakan sekitar 100 pokok avokado yang terdiri daripada 15 variasi premium dari Thailand, Indonesia dan Vietnam. Sebahagiannya sudah mula berbuah.

Berbuah sepanjang tahun

Salah satu keunikan avokado ialah kemampuan berbuah pelbagai baka jika dibiak menggunakan teknik cantuman (grafting). Kaedah itu sama seperti pokok bunga kertas yang boleh mengeluarkan pelbagai warna dalam satu pokok.

“Pokok cantuman biasanya mula belajar berbunga dalam dua tahun setengah. Masuk tahun ketiga, dah mula stabil. Yang penting, penjagaan konsisten,” jelasnya.

Setakat ini, hasil tuaian dijual kepada kenalan rapat dan pelanggan menerusi media sosial. Walaupun buahnya berkualiti premium, beliau menjual pada harga RM20 sekilogram kerana pokok masih dalam fasa ‘belajar berbuah’.

Antara cabaran awal Ramli ialah gangguan monyet yang sering merosakkan anak pokok durian. Tetapi

menariknya, haiwan itu tidak mengganggu pokok avokado, mungkin kerana buah mudanya yang pahit.

“Monyet datang waktu mula-mula saja. Lepas tu langsung tak kacau. Saya pun pasang pagar elektrik solar untuk kawal haiwan liar,” katanya.

Ramli percaya avokado berpotensi menjadi tanaman yang menguntungkan dan berdaya maju di Malaysia.

“Sekarang pun ada orang dah mula tanam sendiri sebab beli kat pasar raya mahal. Itu pun belum tentu sedap. Kalau ramai tanam, insya-Allah harga akan jadi lebih murah,” katanya.

Selain menjual hasil tuaian, beliau turut membekalkan anak pokok kepada pengusaha komersial dan individu yang berminat untuk cuba menanam avokado secara kecil-kecilan.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000022711	APPOINTMENT OF OWNER'S ENGINEER (OE) FOR PHASE 1 & 2 PROPOSED WTPs AND YIELD STUDY FOR PUTRAJAYA LAKE & TASIK SUBANG DAM
2.	PN0000022765	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING, SUPPORT AND TRAINING FOR MIGRATION AND UPGRADE OF EXISTING GIS DATABASE TO ESRI ARCGIS UTILITY NETWORK (UN) FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD.
3.	PN0000022722	CONSTRUCTION OF NEW INTAKE BUILDING AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT TASIK SUBANG DAM.
4.	PN0000022875	SUPPLY AND DELIVERY OF MECHANICAL FLOWMETERS AND SPARE PARTS
5.	PN0000022794	CONSULTANCY SERVICES FOR THE DESIGN AND SITE SUPERVISION FOR THE CONSTRUCTION OF 1 UNIT OF 2 STOREY OPERATION BUILDING FOR NETWORK OPERATION SECTION AT GOMBAK REGIONAL OFFICE
6.	PN0000022887	PACKAGE M7- SUPPLY AND DELIVER 11 UNITS OF 4-WHEEL DRIVE PICKUPS COMPLETE WITH ACCESSORIES
7.	PN0000022854	SUPPLY, DELIVER, INSTALL, TESTING AND COMMISSIONING OF TWELVE (12) OF FLOWMETER REPLACEMENT CYCLE FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
8.	PN0000022892	NEW SCADA AND CYBERSECURITY IMPLEMENTATION AT 4 WTPs - PACKAGE 4

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	NO. PRA-KELAYAKAN	KETERANGAN
1.	PN0000022815	PRA-KELAYAKAN UNTUK PERLANTIKAN SEBAGAI PANEL TRAVEL AGENSI BAGI TEMPOH 2 TAHUN (1 + 1 TAHUN) UNTUK PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
2.	PN0000022682	PRE-QUALIFICATION PANEL CONTRACTOR FOR CONSTRUCTION AND MAINTENANCE WORK FOR NRW PROGRAM

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/partners/vendors> atau <https://tender.airselangor.com>.

Talak dan harmoni rumah tangga



Bicara Agama

Talak merupakan salah satu daripada hukum hakam penting dalam Islam yang membabitkan institusi kekeluargaan.

Ia adalah jalan terakhir yang dibenarkan syarak apabila hubungan suami isteri tidak lagi dapat dipertahankan.

Namun, terdapat perbahasan panjang dalam kalangan para ulama dan fuqaha mengenai bentuk pelafazan talak dan kesannya terhadap akad perkahwinan, khususnya dalam isu talak tiga dalam satu lafaz.

Hal ini menjadi lebih menarik apabila terdapat perbezaan pendapat yang nyata dalam kalangan para sahabat Nabi sendiri serta dalam kalangan mazhab-mazhab utama dalam Islam.

Antara tokoh yang memainkan peranan penting dalam perkembangan hukum ini ialah Sayidina Umar bin al-Khattab RA, yang mengambil pendekatan tegas dalam menangani fenomena penyalahgunaan talak oleh masyarakat ketika itu.

Umar bin al-Khattab telah menguatkuasakan talak tiga secara serentak (dalam satu lafaz) berbeza daripada apa yang diamalkan sebelumnya.

Imam Muslim meriwayatkan dalam Sahihnya daripada Tawus, daripada Ibn Abbas, bahawa beliau berkata: "Talak pada zaman Rasulullah, Abu Bakar dan dua tahun pertama pemerintahan Umar – talak tiga – dikira sebagai satu (talak) sahaja.

Maka Umar bin al-Khattab berkata: "Sesungguhnya manusia telah gopoh dalam urusan yang padanya mereka dahulunya bersikap tenang. Maka, bagaimana jika kita kuatkuasakan (talak tiga itu ke atas mereka)?' lalu Umar pun menguatkuasakannya ke atas mereka."

Dalam satu riwayat lain: Abu al-Sahba' berkata kepada Ibn Abbas: "Bawakan kepadaku perkara-perkara pelikmu. Bukankah talak tiga pada zaman Rasulullah dan Abu Bakar dikira sebagai satu sahaja?"

Ibn Abbas menjawab: "Memang demikian keadaannya. Namun apabila tiba zaman pemerintahan Umar, manusia

Antara tokoh yang memainkan peranan penting dalam perkembangan hukum ini ialah Sayidina Umar bin al-Khattab RA, yang mengambil pendekatan tegas dalam menangani fenomena penyalahgunaan talak oleh masyarakat ketika itu

mula menceraikan isteri secara berturut-turut (dengan tiga talak), maka beliau pun menguatkuasakannya dan membenarkannya ke atas mereka."

Tindakan Umar ini, sebagaimana yang dapat dilihat, adalah berdasarkan prinsip "sadd al-dhara'i" (menutup jalan-jalan kepada keburukan), kerana manusia telah melampaui batas dalam perkara yang diharamkan Allah ke atas mereka.

Talak berperingkat

Maka mereka layak menerima hukuman atas perbuatan itu, lalu mereka dihukum dengan kewajiban untuk menanggung akibat talak tersebut.

Ini kerana sunnah dalam menjatuhkan talak adalah secara berperingkat, satu demi satu, agar memberi peluang kepada suami isteri untuk berdamai dan berbaik semula.

Para sahabat tidak sepakat dalam hal ini. Sebahagian besar sahabat menyokong tindakan Umar, namun ada juga yang tidak bersetuju

dengannya, antaranya ialah Ali, Abu Musa, Ibn Abbas, al-Zubair bin al-'Awwam, dan 'Abdul Rahman bin 'Auf.

Dalam isu ini, terdapat perbezaan pendapat yang masyhur dalam kalangan ulama, dengan beberapa mazhab seperti berikut:

Mazhab pertama: Jika seorang lelaki menceraikan isterinya dengan talak tiga dalam satu lafaz, maka jatuh tiga talak, sama ada dia telah bersetubuh dengannya ataupun belum.

Mazhab kedua: Jika seorang lelaki menceraikan isterinya dengan talak tiga dalam satu lafaz, maka hanya jatuh satu talak, sama ada dia telah bersetubuh dengannya ataupun belum.

Mazhab ketiga: Jika seorang lelaki menceraikan isterinya dengan talak tiga dalam satu lafaz, maka bagi isteri yang telah disetubuhi, jatuh tiga talak; manakala bagi isteri yang belum disetubuhi, hanya jatuh satu talak.

Mazhab keempat: Talak tersebut tidak jatuh sama sekali, kerana menjatuhkan talak dengan cara itu adalah satu bid'ah yang diharamkan.

Isu talak tiga dalam satu lafaz merupakan antara perbahasan fiqh yang paling kompleks dan sensitif kerana melibatkan kesan langsung terhadap institusi perkahwinan dan keharmonian rumah tangga.

Perbezaan pandangan yang wujud dalam kalangan para sahabat dan ulama mujtahidin membuktikan keluasan syariat Islam serta kepelbagaian pendekatan dalam memahami dan menanggapi nas-nas syarak.

Pendekatan tegas yang diambil oleh Sayidina Umar bin al-Khattab dalam menguatkuasakan jatuhnya tiga talak dilihat sebagai langkah siasah syar'iyah bagi membendung penyalahgunaan hukum oleh masyarakat.

Namun, pandangan sahabat lain serta mazhab-mazhab utama menunjukkan wujudnya ruang ijtihad yang sah dan diterima dalam perkara ini.

Justeru, dalam menangani isu ini pada masa kini, perlulah ada keseimbangan antara ketegasan terhadap penyalahgunaan lafaz talak dan rahmah terhadap institusi kekeluargaan.

Pendekatan yang berasaskan dalil, maqasid syariah serta realiti semasa amat penting agar hukum yang diterapkan benar-benar mencerminkan keadilan Islam.

Adalah wajar bagi pihak berautoriti keagamaan untuk mengambil pendekatan yang paling mendekati masalah umat serta dapat mengelakkan kerosakan yang lebih besar terhadap masyarakat dan institusi perkahwinan.



Tingkat hasil Melon

KUALA LANGAT - Pengeluaran produk khas negeri, Melon Selangor (MeloSel), yang ditanam di Pusat Pertanian Kampung Endah bakal dipertingkatkan kepada 30,000 biji setiap musim.

EXCO Pertanian Dato' Ir Izham Hashim berkata kira-kira 10,000 biji buah dihasilkan setiap pusingan tuaian di pusat tanaman terbesar di Kuala Langat itu.

"Penanaman melon ini semakin popular. Ladang terbesar berada di Kampung Endah, diikuti Sabak Bernam serta beberapa kawasan lain dalam skala lebih kecil.

"Kita akan terus memperluaskan penanaman ini kerana potensinya besar," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Melon Kuala Langat pada 9 Ogos.

Beliau berkata MeloSel antara buah

tempatan wajib guna dalam pemberian bakul buah dalam program rasmi negeri, menggantikan buah import seperti epal.

Bukan sahaja menjadikan MeloSel sebagai produk kebanggaan Selangor, malah langkah berkenaan juga bagi menggalakkan pertanian bernilai tinggi, kata Ir Izham.

MeloSel merupakan projek Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) iaitu antara agenda terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) membabitkan pembangunan tanaman bernilai tinggi melalui penggunaan teknologi.

Pada 3 Ogos, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata, Selangor komited memperkukuh sekuriti makanan negara melalui projek pertanian moden.



Wajib pasang AED

SHAH ALAM - Penguatkuasaan pemasangan defibrilator luaran automatik (AED) di semua bangunan baharu di Selangor akan diumumkan dalam tempoh terdekat, maklum EXCO kesihatan awam.

Bagi bangunan sedia ada, Jamaliah Jamaluddin berkata, pemasangan akan dilakukan berperingkat mengikut keutamaan sebaik sahaja dasar tersebut berkuat kuasa.

"Kerajaan Negeri amat menggalakkan pemilik bangunan, badan penguurusan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mengambil inisiatif menyediakan AED di premis masing-masing, termasuk yang diwajibkan.

"Badan pengurusan juga perlu memastikan kakitangan mereka terlatih menggunakan AED dan melakukan prosedur CPR (resusitasi kardiopulmonari) sekurang-kurangnya sekali setahun," katanya.

Jamaliah berkata penguatkuasaan juga akan dilaksana bersama pelbagai agensi seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta bomba.

Menurutnya, badan penguurusan bangunan akan diwajibkan melantik seorang pegawai bertanggungjawab serta mengemukakan maklumat mengenai kemudahan AED di kawasan mereka kepada pihak berkuasa tempatan untuk tujuan pemantauan.



Kukuh kebajikan OKU

SHAH ALAM - Penubuhan Yayasan Insan Istimewa Selangor (YANIS) menjadi langkah penting bagi memperkukuh agenda pembangunan menyeluruh orang kurang upaya (OKU) di negeri ini, kata EXCO kebajikan masyarakat.

Anfaal Saari berkata YANIS akan memperluas inisiatif pemerksaan bagi semua warga OKU di samping meneruskan program Anak Istimewa Selangor (ANIS) untuk individu bawah umur 18 tahun.

"Penubuhan YANIS bertujuan meningkatkan akses dan peluang untuk OKU, menggalakkan kerjasama komuniti, serta menjadi contoh amalan terbaik dalam pengurusan intervensi anak-anak istimewa.

"Langkah ini seiring matlamat kedua Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Dasar OKU Selangor yang akan dilan-

carkan pada sidang dewan negeri akan datang," katanya pada 9 Ogos.

Beliau menjelaskan YANIS yang dafatarkan bawah Akta Syarikat 2016 pada 27 Mac lalu mempunyai kelebihan menjana dana sendiri sementara permohonan bantuan khas dibuka pada bulan Mac setiap tahun dan jumlah peruntukan dijangka akan meningkat.

Pelancaran YANIS disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin di Pusat Konvensyen Setia City.

Dalam majlis berkenaan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Dato' Ts Saipolyazan M Yusop turut menyerahkan sumbangan RM1 juta kepada Ketua Pegawai Eksekutif YANIS Kamarul Hisham Yeop Hashim.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/51/2025	CADANGAN KERJA MENAIKTARAF LONGKANG DAN TURAPAN JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN PUTRA PERDANA 5C/1, JALAN PUTRA PERDANA 5C/2, TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2025	SPKK, CIDB G5, CE06 DAN UPEN	Tarikh Buka: 14 Ogos 2025 Tarikh Tutup: 4 September 2025	RM500.00
2.	T/MPSepang/KEJ/52/2025	CADANGAN KERJA MENAIKTARAF LONGKANG DAN TURAPAN JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN PUTRA PERDANA 5D/1, JALAN PUTRA PERDANA 5D/2, TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2025	SPKK, CIDB G5, CE06 DAN UPEN	Tarikh Buka: 14 Ogos 2025 Tarikh Tutup: 4 September 2025	RM500.00
3.	T/MPSepang/KEJ/53/2025	CADANGAN KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI SEKITAR JALAN MASUK DEWAN KOMUNITI TAMAN TASI K CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2025	SPKK, CIDB G5, CE01 & CE42 DAN UPEN	Tarikh Buka: 14 Ogos 2025 Tarikh Tutup: 4 September 2025	RM500.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **14 Ogos 2025** hingga **4 September 2025** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada pembekal-pembekal yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang beralang atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **4 September 2025**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Kejuruteraan (03-83190200 samb. 380/381/382)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan)** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/LAND/54/2025	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG BOLA DI JALAN PUTRA PERDANA 1/2, TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2025	SPKK, CIDB G5, B09 @ CE14 & CE21 DAN UPEN	Tarikh Buka: 14 Ogos 2025 Tarikh Tutup: 11 September 2025	RM500.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **14 Ogos 2025** hingga **11 September 2025** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada pembekal-pembekal yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang beralang atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Kontraktor-kontraktor (**HANYA PENAMA DI DALAM LESEN DENGAN MEMBAWA SIJIL ASAL**) adalah **diwajibkan** untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:-

Tarikh : 21 Ogos 2025
Masa Pendaftaran : 10.00 - 10.30 Pagi
Masa Taklimat : 10.30 Pagi
Tempat berkumpul : Kelab Komuniti, Taman Tasik Cyberjaya
Nota : Kegagalan kontraktor hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan kontraktor tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini.

4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **11 September 2025**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Landskap (03-88005271 samb. 4027)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

5. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan)** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang



KEBAJIKAN... Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Hajah Permaisuri Norashikin (tengah) berkenan menyaksikan penyerahan cek cura daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Dato' Ts Saipolyazan M Yusop kepada Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Insan Istimewa Selangor (YANIS) sempena majlis pelancaran YANIS di Shah Alam pada 9 Ogos. Foto HARUN TAJUDIN ► BERITA MUKA 14

Peluang lonjak prestasi atlet SUKMA

Tambahan tiga acara

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Selangor mencadangkan tiga sukan tambahan iaitu petanque, muay Thai dan silambam untuk dipertandingkan dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026, kata EXCO sukan.

Menurut Najwan Halimi, cadangan tersebut diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) selepas mengambil kira permohonan beberapa persatuan sukan.

"Selepas pengumuman Menteri Belia dan Sukan baru-baru ini, Sekretariat SUKMA Selangor menerima permohonan daripada persatuan sukan kebangsaan dan negeri agar menimbang semula senarai sukan tambahan.

"Setelah penelitian dan dibincang dalam MMKN yang dipengerusikan Dato' Menteri Besar, kita bersetuju mencadangkan tiga sukan itu dan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA. Senarai ini perlu dimuktamadkan selewat-lewatnya 15 Ogos," katanya dalam sidang media pada 8 Ogos.

Beliau yang juga pengerusi Jawatankua-

sa Pelaksana SUKMA 2026 menjelaskan tiga sukan berkenaan dicadang kerana masih ada ruang untuk dikembangkan di peringkat negeri dan nasional.

Dalam masa sama, Najwan menegaskan, matlamat utama Selangor menjadi tuan rumah bukan semata-mata untuk muncul juara tetapi mahu beri peluang kepada semua atlet mempamer bakat dan melonjakkan prestasi ke peringkat lebih tinggi.

Selain itu, Najwan turut menggesa semua pihak menghentikan usaha mempolitikkan sukan atau memainkan sentimen perkauman.

Sementara itu, kerja naik taraf kemudahan sukan termasuk stadium, dewan pihak berkuasa tempatan dan Pusat Akuatik Darul Ehsan di Seksyen 13, dijangka selesai Mac tahun depan.

Najwan berkata setakat ini status persiapan gelanggang SUKMA melebihi 50 peratus dan berjalan mengikut jadual.

SUKMA Selangor 2026 bakal berlangsung akan diadakan pada 15 hingga 24 Ogos dengan 34 acara dipertandingkan manakala Para SUKMA dari 5 hingga 14 September.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/ KES/55/2025	CADANGAN PERKHIDMATAN KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (GENERAL PEST CONTROL) DI IBU PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN SEPANG, PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN DAN ASET/BANGUNAN MILIK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (220901 – Pengawalan Dan Pengawasan/Kawalan Serangga Perosak/Anti Termite) DAN UPEN	Tarikh Buka: 14 Ogos 2025 Tarikh Tutup: 4 September 2025	RM200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **14 Ogos 2025** hingga **4 September 2025** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada pembekal-pembekal yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **4 September 2025**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Kesihatan Persekitaran (03-83190200 samb. 398/338)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang

Wajibkan pemasangan alat jantung

14

Perkasa insiatif tarik pengunjung luar

2

YANIS kukuh kebajikan OKU

14

Tingkat penghasilan Melon Selangor

14

Tiga lokasi sedia tiket Piala Sultan Selangor

15

selangorkini

Semarak Himpunan Gaza 23 Ogos

SHAH ALAM - Rakyat Malaysia dipelawa bersama-sama menyemarakkan Malam Himpunan & Selawat Malaysiaku Bersama Gaza sebagai lambang solidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin, di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur 23 Ogos ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata kehadiran orang ramai adalah simbol persaudaraan sejagat dan bukti Palestin sentiasa di hati rakyat Malaysia.

"Ayuh rakyat Malaysia, kita himpunkan hati-hati yang cintakan kebenaran, satukan suara-suara yang mendamba keadilan.

"Mari kita berdiri sebaris, sejiwa, dan sepadu dalam Malam Himpunan & Selawat Malaysiaku Bersama Gaza sebagai tanda cinta, doa dan solidariti buat saudara seagama kita," katanya menerusi hantaran Facebook pada 12 Ogos.

Program sempena Karnival Sumud Nusantara berkenaan bermula 6.30 petang hingga 11.30 malam di Kuala Lumpur.

Pasukan MBSA ke Gunung Kinabalu

SHAH ALAM - Pendakian Gunung Kinabalu oleh pasukan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bakal menjadi salah satu acara kemuncak sambutan Jubli Perak bandar raya berkenaan yang berlangsung sehingga Oktober depan.

Dato' Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata ekspedisi yang dijadual pada 2 hingga 6 September itu melibatkan 25 peserta, termasuk EXCO Sukan Najwan Halimi, ahli majlis serta pegawai MBSA.

"Kita juga akan adakan Larian Neon Run pada 10 Oktober, acara malam yang bercahaya untuk menunjukkan semangat dan kemeriahan Shah Alam," katanya selepas melancarkan sambutan Jubli Perak 25 Tahun MBSA dan program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan pada 10 Ogos.



PRIHATIN... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan cek cura kepada wakil institusi pendidikan ketika Majlis Penyerahan Bantuan Sekolah Negeri di Klang pada 13 Ogos. Foto HAFIZ OTHMAN ► BERITA MUKA 2

Tema pendidikan, penjelajahan jadi pilihan

Pelancong China teramai ke Selangor

Oleh **CHUAH CHEE HWAI & FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Pelancong dari China terus mendominasi kedatangan pengunjung antarabangsa ke Selangor dengan ketibaan 95,762 orang sepanjang Januari hingga Mac lalu, peningkatan 16.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Chua Yee Ling mem-

beritahu aktiviti pelancongan pendidikan dan penjelajahan menjadi pilihan utama mereka ke negeri ini sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

"Pelancongan pendidikan menggabungkan pembelajaran berasaskan penyelidikan dengan pengalaman praktikal melalui lawatan lapangan dan interaksi bertema, sekali gus menjadikan perjalanan bukan sahaja membuka minda tetapi sebahagian daripada proses pembelajaran," katanya.

Tambah beliau, Tourism Selangor

giat bekerjasama dengan pelbagai institusi bagi mempromosi nilai pendidikan dan kelestarian antaranya Eco Farm Buah Naga Sepang yang menawarkan pakej 'pengajaran pertanian dan pengalaman DIY'.


Antara destinasi pelancongan pendidikan popular di Selangor ialah Taman Geologi Kebangsaan Hulu Langat, Perkampungan Budaya Mah Meri, Pulau Carey dan Taman Hutan Selangor, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

pancawarna

Operasi sulit Malaya buru musuh zaman darurat

Tugas yang mustahil, dijayakan pasukan perisik dalam senyap

10



ADN Muda, pentas lahir pemimpin masa depan

Program bimbing belia bawa naratif perubahan lebih dekat dengan rakyat

5



Bayar RM5, tribunal bantu selesai pertikaian

Pengguna boleh failkan tuntutan ganti rugi tidak lebih RM50,000

6

